

14 DEC 2002

Agong-Vietnam

AGONG SERTAI RAKYAT MALAYSIA DI VIETNAM SAMBUT AIDILFITRI

Oleh: Siti Aishah Mohamad

HANOI, 14 Dis (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid, malam tadi menyertai 100 rakyat Malaysia di Vietnam dalam satu sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Majlis itu diadakan sempena lawatan Seri Paduka Baginda berdua selama lima hari ke Vietnam.

Tuanku Syed Sirajuddin mengejutkan majlis itu dengan menyampaikan titah ucapan kerana ia tidak terdapat dalam aturcara majlis berkenaan.

Sambil berseloroh, baginda menjelaskan bahawa majlis yang meriah seperti itu sukar untuk tamat dan sebab itulah, baginda secara sukarela bangun bertitah sebagai penutup majlis itu.

Dalam ucapan ringkasnya itu, Seri Paduka Baginda mengingatkan rakyat Malaysia di luar negara mengekalkan adab sopan dan tingkah laku yang baik kerana setiap daripada mereka merupakan "duta" Malaysia di luar negara.

"Sekiranya rakyat Malaysia di luar negara tidak mempunyai tingkah laku yang elok serta melawan undang-undang negara yang duduki, nama Malaysia juga akan dipandang tidak elok," titah baginda.

Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob selaku menteri pengiring dan Duta Malaysia ke Vietnam, Mohd Radzi Abdul Rahman turut hadir.

Menurut baginda, Malaysia dipandang tinggi oleh negara-negara lain di dunia hasil daripada usaha Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Untuk membina sebuah negara mengambil masa bertahun-tahun, tetapi untuk memusnahkannya sekejap sahaja," titah baginda.

Yang di-Pertuan Agong turut mengucapkan tahniah kepada pelabur-pelabur Malaysia di Vietnam kerana mengharumkan nama negara dan menjadikan Malaysia pelabur ke-12 terbesar di Vietnam.

Titah baginda, pelabur-pelabur yang telah berjaya itu perlu memberi galakan kepada yang lain untuk melabur di sini.

-- BERNAMA

SA MFJ MAI